

30 AUG 2001

Mahathir-Kesaksamaan

DASAR KESAKSAMAAN LAHIRKAN WARGA BERAT TULANG, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 30 Ogos (Bernama) -- Dasar kerajaan untuk memberikan kesaksamaan di kalangan pelbagai kaum telah mewujudkan perasaan selamat dan terjamin di kalangan rakyat menyebabkan mereka menjadi terlalu berat tulang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mereka langsung tidak nampak apa-apa yang mengancam mereka. Akibatnya, sesetengah daripada mereka dilihat terlalu berat tulang dan tidak mahu untuk melakukan apa-apa usaha," katanya.

Dr Mahathir menjawab soalan daripada hadirin selepas berucap pada jamuan tengah hari anjuran Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia di sini hari ini.

Katanya perasaan selamat dan terjamin yang diwujudkan daripada dasar kerajaan itu telah mendatangkan kesan sebaliknya dan mungkin disebabkan langkah yang diambil agak keterlaluan.

"Ia bukan sebenarnya silap saya, dan saya fikir ia suatu yang baik tetapi tindak balas daripadanya tidak seperti yang diharapkan," katanya.

Kerajaan sedang membetulkan kesilapan yang timbul daripada dasar itu, katanya semasa ditanya mengenai penilaiannya terhadap apa yang terbaik dan terburuk dalam perubahan masyarakat Malaysia selama di bawah kepimpinan beliau sejak 20 tahun lepas.

Beliau berkata perubahan yang terbaik diusahakan oleh perdana menteri pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra yang mendapatkan kemerdekaan bagi negara dan disusulinya dengan membuka pintu negara kepada sistem pasaran terbuka termasuk pengenalan syarikat-syarikat milik negara.

Almarhum Tunku memperkenalkan pragmatisme kepada dasar-dasar negara yang telah memberikan manfaat besar kepada ekonomi negara, katanya.

Kepada satu soalan sama ada apabila bersara, beliau akan terus membimbing penggantinya, Dr Mahathir berkata: "Beliau perlu membuat keputusan sendiri dan sudah tiba masanya saya menutup mulut."

Dr Mahathir turut menyatakan beliau tidak berhasrat untuk dilantik sebagai penasihat ataupun menteri kanan oleh pengganti yang mengambil alih.

-- BERNAMA

HK AZH AHH RYN RON